

Headline	Malam Horey-Horey Kosmo! meriah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	20 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Letters	Page No	20
ArticleSize	870 cm ²	Journalist	NOR IDAYU
PR Value	RM 67,994		



AZIZ (tengah) turut menunjukkan bakat menyanyi lagu kepada Penolong Ketua Biro Shah Alam, Suhana Md. Yusop pada majlis yang dikendalikan oleh penyanyi Haiza (kanan).



BAHAROM (kanan) menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada Penolong Ketua Biro Shah Alam, Suhana Md. Yusop pada majlis yang dikendalikan oleh penyanyi Haiza (kanan).



SEBAHAGIAN petugas Kosmo! mengenakan pakaian kasual kemas bertopi sebagai tema majlis makan malam di Petaling Jaya kelmarin.

Penyanyi Hattan dan Haiza berpadu gembirakan ahli Kelab Suara Kontemporari

Malam Horey-Horey Kosmo! meriah

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PETALING JAYA - Lebih 200 tetamu dan warga kerja Kosmo! hadir memiahkan Majlis Makan Malam Horey-Horey 2018 bertemakan pakaian kasual kemas bertopi di Hotel Sunway Clio di sini kelmarin.

Majlis yang dianjurkan Kelab Suara Kontemporari (KSK) itu diadakan bertujuan memperatkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga kerja Kosmo! serta rakan-rakan strategik.

Pengarang Kosmo! merangkap Penasihat KSK, Datuk Baharom Mahusin berkata, majlis tahunan itu dianjurkan bagi menghargai jasa serta pengorbanan pelbagai pihak dalam usaha mengekalkan momentum Kosmo! sebagai akhbar harian Melayu nombor satu di negara ini.

"Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua ahli KSK yang bertungkus lumus menayakan majlis ini dalam kesibukan tugas masing-masing khususnya dalam menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 pada bulan Mei nanti," katanya ketika berucap pada majlis itu di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Aziz Ishak; Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Othman Mohamad, Penolong Pengarang 1 Kosmo!, Mohd. Nor Ab. Samad, Penolong Pengarang 2 Kosmo!, Lokman Othman, Pengurus Jabatan Pengarang, Ainol Amriz Ismail; Ketua Unit Jurufoto, Abdul Kadir Bachok dan Pengarah Kreatif Kumpulan, Azha Abu Bakar.

KSK ditubuhkan pada 17 Mei 2016 dengan tujuan untuk menayakan aktiviti-aktiviti sukan, rekreasi dan riadah khusus untuk semua kakitangan Kosmo!.

Terdahulu, Pengerusi KSK,



SEBAHAGIAN daripada petugas Kosmo! bergambar kenangan pada majlis Makan Malam Horey-Horey Kosmo! 2018 di Hotel Sunway Clio, Petaling Jaya kelmarin. Turut kelihatan Aziz (duduk barisan ketiga empat dari kiri), Othman (barisan ketiga enam dari kiri), Wan Hasnan (barisan ketiga lima dari kiri) dan Baharom (barisan ketiga tiga dari kiri).



Wan Hasnan Wan Hasan dalam ucapannya mengharapkan semua petugas Kosmo! memberi komitmen dan kerjasama menerusi pembabitian dalam aktiviti kelab agar semangat manfaat yang sedia terjalin dapat diteruskan.

"KSK menjadi platform terbaik untuk mengeratkan tali persahabatan dan semangat kerja berkumpulan dalam kalangan pegawai serta petugas Kosmo!," katanya.

Pada majlis itu, penyanyi dan penyampai radio, Haiza bertindak sebagai pengacara selain diserikan dengan persembahan bertema daripada penyanyi terkenal, Datuk Hattan.

Kakitangan Kosmo! termasuk wartawan eksekutif Kosmo!

Ahad, Nan Hidayat Nan Azmie; wartawan Meja Ekonomi, Nor Syariza Muhd. Tahir dan wartawan Meja Hiburan, Mohd. Haikal Isa turut menunjukkan bakat masing-masing dalam bidang nyanyian.

Wartawan Meja Berita, Ruzaidi Amin memenangi hadiah utama cabutan bertuah iaitu iPhone X bernilai hampir RM6,000.

Dalam pada itu, wartawan eksekutif Meja Rencana, Mohd. Rizam Zakariya dan wartawan Meja Berita, Julia Ismail masing-masing memenangi kategori pakaian terbaik menerusi busana ala koboi.

Pada majlis yang berlangsung dari pukul 8 hingga 11 malam, tetamu dan warga Kosmo! disajikan dengan pelbagai juadah seperti kambing panggang, nasi bukhara, kurma ayam, dala

kambing kari telur ikan, sate, dan spageti.

Majlis tersebut mendapat tajaan daripada Tenaga Nasional Berhad, QQ Camera Sdn. Bhd, Shekhinah PR, Eevocacs Robotics, Empire Film Solution Sdn. Bhd., Farryna Enterprise, Speed World Logistic Sdn. Bhd., Searose International Ventures Sdn. Bhd., Prolintas, Guardian, Econsave, Nestle dan xoxo.baloon juga menyumbangkan hadiah-hadiah.

Turut menyumbang Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kesihatan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Empire, Tropicana Medical Centre dan Paranormal.

Selain itu, Media Prima, Tonton, Astro, Fatboys (Ayda Jebat), Skop Production, Dr. Irma Entertainment, Warner Music, Tesco, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Mamee, Starbucks, Airish Lon-